



13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR


Abdul Rahman Ibrahim



0.5051
ARI



DBP



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
PERDANA

7/11/2019

**13 MEI 1969
DI KUALA LUMPUR**

13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR

Abdul Rahman Ibrahim

PUSTAKA PERDANA



1012038

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018



KK 959-320-0502011-46-0706-40103

Cetakan Pertama 2011

Cetakan Kedua 2015

Cetakan Ketiga 2018

© Abdul Rahman Ibrahim 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Ibrahim

13 Mei 1969 di Kuala Lumpur / Abdul Rahman Ibrahim.

Mengandungi indeks

Bibliografi: hlm. 129

ISBN 978-983-46-0706-7

1. Riots--Malaysia 1969. 2. Malaysia--History 1969.

3. Malaysia--Politics and government 1969. I. Judul.

959.5051

Dicetak oleh
Hazrah Enterprise
No. 122, Jalan SBC 3
Taman Sri Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual</i>	vii
<i>Senarai Foto</i>	ix
<i>Senarai Peta</i>	xi
<i>Prakata</i>	xiii
<i>Pendahuluan</i>	xv
<i>Penghargaan</i>	xix
<i>Singkatan</i>	xxi
BAB 1: MASYARAKAT MAJMUK DAN PERKAUMAN	1
Masyarakat Majmuk dan Kedatangan Imigran ke Negeri-negeri Melayu	2
Dasar Jepun di Negeri-negeri Melayu	8
Dasar British Selepas Kekalahan Jepun	10
Zaman Darurat	12
Peranan Parti Politik	13
BAB 2: KUALA LUMPUR DAN LATAR KEPENDUDUKANNYA	17
Sejarah Kuala Lumpur	17
Sejarah Kampung Baharu	19
Sorotan Pergaduhan Melayu dan Cina di Kuala Lumpur	24
Politik Selepas Kemerdekaan dan Perkauman di Kuala Lumpur	26

KANDUNGAN

BAB 3: MASALAH HUBUNGAN KAUM MELAYU DAN CINA DI KUALA LUMPUR	39
Latar Belakang Hubungan antara Kaum Melayu dan Cina pada Akhir 1960-an	40
Masalah yang Tercetus Akibat Konflik Politik	42
Masalah yang Tercetus Akibat Konflik Sosial	45
Masalah yang Tercetus Akibat Konflik Ekonomi	50
BAB 4: PERANAN MEDIA MASSA DALAM MERANGSANG KETEGANGAN KAUM ANTARA ORANG MELAYU DAN ORANG CINA	56
Sejarah Media Massa Sepintas Lalu	56
Peranan Media Massa dalam Merangsang Ketegangan Kaum dan Suasana Genting	62
BAB 5: KEMPEN PILIHAN RAYA DAN RUSUHAN KAUM SEBELUM 13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR	65
Peristiwa Sebelum 13 Mei 1969	66
Rusuhan Kaum dalam Kalangan Orang Melayu dan Orang Cina	66
Rusuhan Kaum Melayu dan Cina di Pulau Pinang	66
Rusuhan Kaum Melayu dan Cina di Perak	68
Kesan daripada Rusuhan Kaum Melayu dan Cina di Singapura	70
Kempen Pilihan Raya Mei 1969	70
BAB 6: TRAGEDI 13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR	76
Pengalaman Individu yang Diwawancara	91
KESIMPULAN	112
<i>Biodata</i>	119
<i>Lampiran</i>	121
<i>Bibliografi</i>	131
<i>Indeks</i>	137

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Komposisi kaum di Negeri-negeri Melayu (1921 – 1957).	4
Jadual 1.2	Pecahan pengundi menurut kaum pada pemilihan 1955.	15
Jadual 1.3	Pemilihan 1955: Pengelasan calon-calon menurut parti dan kaum.	16
Jadual 2.1	Perkembangan jumlah penduduk Kampung Baharu.	22
Jadual 2.2	Jumlah penduduk yang tinggal dalam kawasan perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1950.	30
Jadual 2.3	Pilihan Raya 1959: Pembahagian pengundi menurut kaum.	32
Jadual 2.4	Pilihan Raya 1959: Jumlah kerusi yang dimenangi oleh setiap parti.	33
Jadual 3.1	Keputusan pilihan raya Negeri Selangor (1964 dan 1969).	43
Jadual 3.2	Peratus undi parti Perikatan dalam pilihan raya.	46
Jadual 3.3	Kadar kemiskinan mengikut kaum.	48
Jadual 3.4	Hak milik dan penguasaan sektor syarikat-syarikat.	48
Jadual 3.5	Pembahagian pekerjaan mengikut kaum.	48
Jadual 4.1	Akhbar Melayu dan majalah bercorak agama abad ke-20.	60

SENARAI JADUAL

Jadual 5.1	Bilangan pegawai kerajaan mengikut kaum pada 1 November 1968.	74
Jadual 6.1	Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Semenanjung Malaysia.	76
Jadual 6.2	Pilihan Raya Parlimen: Jumlah kerusi yang dimenangi dan perolehan undi oleh parti-parti.	79
Jadual 6.3	Pilihan Raya Negeri: Jumlah kerusi yang dimenangi dan undi yang diperolehi oleh parti-parti.	80

SENARAI FOTO

Foto 5.1	Mayat Allahyarham Encik Kassim bin Omar, seorang pekerja pilihan raya.	69
Foto 6.1	Perarakan mayat di Kuala Lumpur pada 9 Mei 1969 menunjukkan gambar “Pahlawan” Lim Soon Seng dan di hadapannya lambang Parti Buruh Malaysia.	82
Foto 6.2	Sepanduk-sepanduk dalam perarakan mayat Lim Soon Seng.	84
Foto 6.3	Sepanduk-sepanduk dalam perarakan mayat Lim Soon Seng.	86
Foto 6.4	Perarakan “kemenangan”.	88
Foto 6.5	Rumah-rumah kedai sedang terbakar di Kampung Pandan dalam Peristiwa 13 Mei 1969.	90
Foto 6.6	Kereta terbakar di Jalan Raja Muda dan rumah kedai yang hangus terbakar di Jalan Campbell, Kuala Lumpur.	93
Foto 6.7	Kereta-kereta yang telah musnah di Jalan Bangsar dan pasukan bomba sedang memadamkan api yang membakar rumah kedai di Kampung Pandan.	95

SENARAI PETA

Peta 2.1	Lokasi kedudukan Kampung Baharu, Kuala Lumpur.	20
Peta 2.2	Corak petempatan orang Melayu di Kampung Baharu, Kuala Lumpur.	23
Peta 6.1	Laluan perarakan provokasi parti pembangkang DAP dan Parti Buruh.	96
Peta 6.2	Aliran pergerakan 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur.	98

PRAKATA

Buku *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur* ini memberi tumpuan khusus kepada sejarah hitam hubungan kaum antara orang Melayu dan orang Cina di Kuala Lumpur. Perbincangan berkisar tentang latar belakang masyarakat majmuk dan isu perkauman di negeri-negeri Melayu. Pemilihan Kampung Baharu bertujuan untuk memberi gambaran bahawa ia merupakan tempat berkumpul orang Melayu yang melakukan perarakan balas yang akhirnya mencetuskan peristiwa berdarah tersebut. Memandangkan Kuala Lumpur menjadi lokasi utama tragedi ini, kita menganggap konflik tersebut sebagai situasi genting bagi masyarakat setempat. Keadaan sedemikian perlu dilihat dari sudut sejarah memandangkan beberapa insiden yang berbau perkauman sebelum ini wujud disebabkan oleh kepincangan yang agak ketara dalam politik, sosial dan ekonomi. Isu-isu yang melibatkan perkauman amat sensitif kerana ia menjurus kepada gangguan polarisasi dan secara tidak langsung mendedahkan negara kepada anasir yang cuba mengambil kesempatan atas kedaulatan negara. Bahkan, tinjauan sejarah memperlihatkan kebanyakan perubahan dan pelaksanaan dasar negara diambil kira daripada peristiwa hitam ini yang membawa kepada pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) oleh kerajaan bagi memperbaiki taraf hidup penduduk miskin di Malaysia,

PRAKATA

khususnya orang Melayu. Buku ini juga diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Dr. Kua Kia Soong dalam bukunya, *May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969*.

Abdul Rahman Ibrahim

Kuala Lumpur

PENDAHULUAN

Penulis memilih untuk menulis tentang konflik ras yang cukup terkenal di negara kita, iaitu Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Peristiwa 13 Mei mencakupi suatu bentuk persoalan yang cukup kompleks, yang melibatkan bidang politik, sosial dan ekonomi. Konflik ini dilihat dari sudut sejarah kerana menjadi asas kepada kerajaan dalam menilai dasar yang bersesuaian untuk negara dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur merupakan suatu dokumentasi sejarah yang mempunyai asas dan fakta spesifik dan penulis akan cuba melihat peristiwa ini dalam ruang lingkup yang lebih kecil, iaitu di Kuala Lumpur. Penulisan ini juga akan memperlihatkan sama ada wujud pertalian atau perkaitan antara suasana tegang yang berlaku di peringkat tempatan dengan suasana genting yang berlaku di pusat bandar itu. Situasi ini sengaja diserlahkan memandangkan ketika Peristiwa 13 Mei berlaku, sistem komunikasi kita tidak setanding dan sehebat sekarang. Umum mengetahui bahawa ketika itu sumber maklumat agak terbatas seperti akhbar, radio dan televisyen sahaja. Namun, agak malang kerana kemampuan membeli yang terbatas ini menyaksikan bahawa golongan yang berkemampuan sahaja berupaya mendapatkan sumber maklumat yang pantas. Masyarakat umum yang lain sudah

pasti akan bergantung pada sumber-sumber yang tidak rasmi, iaitu khabar angin.

Penulisan ini penting kerana beberapa sebab. Pertama, ia akan melihat sama ada wujud rasa keterpisahan antara kaum Melayu dengan kaum Cina di Kuala Lumpur sebagaimana yang berlaku di kebanyakan tempat di Malaysia hingga mencetuskan tragedi perkauman. Penulisan ini akan cuba menghubungkaitkan beberapa isu nasional yang dikatakan menjadi pemangkin kepada tercetusnya tragedi seperti dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh British, layanan yang diterima oleh orang Melayu selepas era pendudukan Jepun oleh tentera Bintang Tiga, hak istimewa orang Melayu di negara ini yang dipertikaikan oleh kaum Cina, iaitu yang berkaitan dengan Artikel 152 dan 153 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan bagi Malaysia, serta ketidakadilan dalam pendidikan dan perkhidmatan awam kepada orang bukan Melayu.

Penulisan ini juga akan melihat bagaimana Kampung Baharu menjadi markas untuk orang Melayu berkumpul dan kemudiannya melakukan perarakan balas, yang akhirnya mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969. Selain itu, penulisan ini juga melihat hubungan antara kaum Melayu dengan kaum Cina yang sentiasa tegang pada akhir tahun 1960-an dan juga melihat bagaimana konflik politik, sosial dan ekonomi mendorong kepada tercetusnya peristiwa tersebut.

Penulisan ini penting sebagai suatu usaha untuk memaparkan sejarah tanah air dengan lebih jelas kerana sejarah hitam ini kerap dilihat dari sudut yang emosional. Penulisan yang mengemukakan data komprehensif diharapkan dapat membantu para pembaca mengetahui perkara sebenar di sebalik Peristiwa 13 Mei.

Dalam usaha untuk mendapatkan gambaran tepat tentang apa yang berlaku dalam komuniti penduduk di Kuala Lumpur, maka penulis berusaha mendapatkan penjelasan daripada individu yang mengalami sendiri situasi tegang dalam peristiwa tersebut. Penulisan ini juga akan menilai sikap penduduk tempatan tentang konflik politik yang melanda negara ketika itu, iaitu sama ada penduduk setempat turut terikut-ikut dengan bahang pergeseran semasa. Perkara ini perlu kita renungkan kerana kemenangan pembangkang

PENDAHULUAN

khususnya parti-parti yang didominasi oleh kaum Cina telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan kaum Melayu yang bersimpati dengan pemerintah. Faktor ini perlu diketengahkan kerana ia dilihat sebagai pemangkin yang menggalakkan terjadinya kekacauan apabila berlaku asakan antara dua pihak yang terlibat dalam tragedi ini.

Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Keharmonian hubungan antara kaum, khususnya antara orang Melayu dengan orang Cina pernah terganggu dalam beberapa peristiwa sejarah sebelum dan sesudah merdeka. Sebelum merdeka misalnya, MPAJA (kebanyakan ahlinya orang Cina) cuba menguasai negeri-negeri Melayu dan Parti Komunis Malaya (PKM) pula melancarkan perang gerila terhadap British. Selepas merdeka pula berlaku rusuhan di Bukit Mertajam pada tahun 1964, di Kuala Lumpur pada tahun 1965 dan di Pulau Pinang pada tahun 1967. Nampaknya, tahun-tahun 1960-an adalah era rusuhan kaum. Kemuncak daripada rusuhan-rusuhan tahun 1960-an ialah tragedi yang paling meninggalkan kesan dan paling banyak mengorbankan nyawa, iaitu Peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya. Laporan Polis menyatakan angka korban daripada tragedi ini ialah sebanyak 196 kematian, dan seramai 149 lagi cedera. Akibat daripada peristiwa ini, darurat telah diisytiharkan dan persidangan Dewan Parlimen, serta Dewan Negeri digantung. Satu majlis gerakan (MAGERAN) telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Tun Abdul Razak Hussein untuk menangani masalah-masalah seperti ini agar tidak berulang lagi. Demikian hebatnya Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur dan ia tetap tercatat sebagai satu tragedi hitam dalam sejarah Malaysia.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan taufik dan hidayah, serta dengan keizinan-Nya sehingga saya dapat menyiapkan penulisan buku ini. Sepanjang penulisan ini, saya banyak menerima bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak, baik dari segi tenaga mahupun sokongan moral. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyiapan manuskrip ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Sufian Sabtu, Encik Hamzah Singah, Encik Mat Aini Haji Kassim, Tuan Haji Mohd Ariff Ab. Ghani, Tuan Haji Paris Haji Salleh, Tuan Haji Samat Mat Sah, Dr. Haji Muhammad Nor Omar, Tuan Haji Azahari Mohd Nor, Encik Lim Ah Chuan, Encik Chong Thean Huat, Encik Ramasamy dan Puan Siew Mei Huey yang banyak membantu saya mendapatkan bahan-bahan rujukan bagi penulisan buku ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan untuk ibu, Mariam Abdullah, ibu mertua, Hajah Hasnah Abdullah, bapa mertua, Haji Wan Ali Wan Deraman, isteri saya Wan Rahmah bt. Wan Ali, anak-anak, serta adik-adik tersayang dan kawan-kawan terdekat, iaitu Encik Mohamad Salleh Rahamad,

PENGHARGAAN

Encik Abdul Ghaffar bin Md. Ali dan Encik Anuar Arif yang telah banyak berkorban dan tidak pernah jemu memberi perangsang, serta mendoakan kejayaan saya dalam menyiapkan penulisan buku ini.

Semoga Allah SWT akan membalas segala budi baik yang anda sumbangkan.

SINGKATAN

AMCSMA	All Malaya Chinese Schools Management Association
AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
CCC	Chinese Chambers of Commerce
DAP	Parti Demokratik Rakyat
DEB	Dasar Ekonomi Baru
ECC	European Chambers of Commerce
FELDA	Federal Land Development Authority
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
ICC	Indian Chambers of Commerce
IMP	Independent of Malaya Party
KM	Parti Kuomintang Tanah Melayu
LPP	Lembaga Pengurusan Pentadbiran
MAS	Malay Agriculture Settlement
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan India Congress
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara Malaysia

SINGKATAN

MSC	Malayan Solidarity Convention
NNM	Negeri-Negeri Melayu
NNS	Negeri-Negeri Selat
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam Se-Tanah Melayu
PB	Parti Buruh
PKM	Parti Komunis Malaya
PPP	People's Progressive Party
RIDA	Rural Industrial Development Authority
SBKL	Sanitary Board Kuala Lumpur
UNM	Ultra Nasionalis Melayu
USTA	United Chinese Schools Teachers
UMNO	United Malays National Organization

BAB 1

MASYARAKAT MAJMUK DAN PERKAUMAN

Kedatangan imigran Cina dan India ke negeri-negeri Melayu secara beramai-ramai bermula sejak akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Aktiviti penghijrahan ini semakin mendadak sehingga awal abad ke-20. Keadaan ini amat berkait rapat dengan kedatangan British ke negeri-negeri Melayu sejak pengambilan Pulau Pinang pada tahun 1786, diikuti Singapura pada tahun 1819, Melaka pada tahun 1824 dan negeri-negeri Melayu yang lain pada tahun-tahun berikutnya. Sudah menjadi dasar bagi kuasa Eropah mencari kekayaan apabila mereka datang ke Timur yang kaya dengan hasil buminya. Di Tanah Melayu, mereka telah menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah dan perladangan getah secara besar-besaran. Justeru, banyak lombong bijih timah yang dibuka dan sistem perladangan getah diperkenalkan kerana getah boleh hidup subur di negara ini.

Dalam keadaan yang sedemikian tenaga buruh yang ramai diperlukan untuk menjayakan kegiatan ini. Atas dasar tidak mahu mengganggu-gugat struktur masyarakat Melayu yang ada dan dikatakan tidak berminat bekerja di lombong atau di ladang getah, maka tenaga buruh telah diimport dari luar. Keadaan ini bertepatan dengan waktu dan ketika di mana buruh-buruh luar mudah

13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR

Buku *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur* memaparkan kewujudan masyarakat majmuk dan hubungan kaum sejak kedatangan imigran ke negeri-negeri Melayu dan campur tangan British sehingga berlaku Peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Buku ini cuba menghubungkan beberapa isu nasional yang dikatakan menjadi pemangkin kepada teretusnya peristiwa 13 Mei di Kuala Lumpur. Antaranya termasuklah dasar yang diamalkan oleh British, layanan tentera Bintang Tiga terhadap orang Melayu selepas era pendudukan Jepun, hak istimewa orang Melayu di negara ini yang dipertikaikan oleh kaum Cina, iaitu yang berkaitan dengan perkara 152 dan 153 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi bagi Malaysia, serta ketidakadilan dalam pendidikan dan perkhidmatan awam terhadap orang bukan Melayu.

Buku ini juga melihat hubungan kaum antara orang Melayu dengan orang Cina yang sentiasa tegang pada akhir tahun 1960-an, serta melihat bagaimana konflik politik, konflik sosial dan konflik ekonomi mendorong kepada teretusnya peristiwa tersebut. Buku ini penting sebagai suatu usaha untuk memaparkan sejarah tanah air dengan lebih jelas kerana sejarah hitam ini kerap dilihat dari sudut yang emosional. Buku yang mengemukakan data komprehensif ini dapat dipertanggungjawabkan dan boleh membantu pengkaji-pengkaji lain mengetahui perkara sebenar di sebalik Peristiwa 13 Mei 1969. Semoga peristiwa ini menjadi iktibar, teladan dan pengajaran kepada kita semua.

RM16.00

ISBN 978-983-46-0706-7



9 789834 607067